

PENTAS LITTLE STAR

PENYERTAAN, PERSETUJUAN IBU BAPA/PENJAGA & PELEPASAN MEDIA

Program **Pentas Little Star** ("Program") dianjurkan oleh **Rev Lifestyle Sdn. Bhd. (No. Pendaftaran Syarikat: (199901014126 (489026-D)) ("Penganjur")**

Dengan menghantar penyertaan, ibu bapa atau penjaga sah kepada peserta ("Penjaga") mengesahkan bahawa mereka telah membaca, memahami dan bersetuju untuk terikat dengan dokumen ini.

1. Definisi

- 1.1. Dalam dokumen ini, melainkan konteks menghendaki sebaliknya:
 - 1.1.1. **"Peserta"** bermaksud kanak-kanak berumur 5 hingga 12 tahun yang menyertai Program.
 - 1.1.2. **"Penjaga"** bermaksud ibu bapa atau penjaga sah yang memberikan persetujuan.
 - 1.1.3. **"Kandungan"** bermaksud semua video, gambar, audio, persembahan, nama, imej, suara atau apa-apa bahan yang dihantar atau dirakam berkaitan Program.
 - 1.1.4. **"Platform"** bermaksud semua saluran media sosial, televisyen, laman web, aplikasi digital dan platform milik atau dikendalikan oleh Penganjur atau kumpulan Media Prima Berhad.

2. Kelayakan

- 2.1. Program terbuka kepada warganegara Malaysia berumur 5 hingga 12 tahun sahaja.
- 2.2. Semua penyertaan mesti dihantar oleh atau dengan kebenaran Penjaga.
- 2.3. Penganjur berhak meminta bukti hubungan sah antara Peserta dan Penjaga pada bila-bila masa.
- 2.4. Kegagalan mengemukakan bukti boleh menyebabkan penyertaan dibatalkan.

3. Tempoh Penyertaan

- 3.1. Program berlangsung dari **27 Ogos 2026 sehingga 30 September 2026**.
- 3.2. Sebarang penyertaan yang diterima sebelum atau selepas tempoh tersebut tidak akan dipertimbangkan.

4. Syarat Penyertaan

- 4.1. Penyertaan boleh dibuat secara individu atau berkumpulan.
- 4.2. Semua kandungan yang dihantar hendaklah:

- 4.2.1. asli dan tidak melanggar hak pihak ketiga ;
 - 4.2.2. tidak melanggar undang-undang Malaysia;
 - 4.2.3. tidak mengandungi unsur lucah, ganas, fitnah, kebencian, diskriminasi atau kandungan berbahaya;
 - 4.2.4. sesuai untuk tontonan umum dan mesra kanak-kanak; dan
 - 4.2.5. mematuhi semua undang-undang Malaysia yang berkuat kuasa termasuk tetapi tidak terhad kepada **Akta Keselamatan Dalam Talian 2025, Akta Komunikasi dan Multimedia 1998**, serta mana-mana kod amalan, garis panduan atau arahan pihak berkuasa yang berkaitan.
- 4.3. Penganjur berhak menolak atau membatalkan mana-mana penyertaan yang didapati melanggar Terma dan Syarat ini.

5. Penyertaan Media Sosial

- 5.1. Bagi penyertaan melalui media sosial:
- 5.1.1. peserta hendaklah mengikuti akaun media sosial @mysiraplimau;
 - 5.1.2. akaun media sosial yang digunakan hendaklah ditetapkan kepada mod "Public" sepanjang tempoh Program sehingga pengumuman pemenang dibuat;
 - 5.1.3. peserta hendaklah memastikan semua kandungan yang dimuat naik mematuhi polisi komuniti platform media sosial masing-masing dan undang-undang Malaysia.
 - 5.1.4. Penganjur tidak bertanggungjawab terhadap sebarang tindakan yang diambil oleh penyedia platform media sosial termasuk pemadaman kandungan, penggantungan akaun atau sekatan akses.

6. Persetujuan Ibu Bapa/Penjaga

- 6.1. Dengan menghantar penyertaan, Penjaga dengan ini:
- 6.1.1. mengesahkan beliau berumur sekurang-kurangnya 18 tahun;
 - 6.1.2. mengesahkan beliau ialah Penjaga sah Peserta;
 - 6.1.3. memberikan persetujuan penuh bagi penyertaan Peserta dalam Program;
 - 6.1.4. memahami bahawa Kandungan akan digunakan seperti dinyatakan dalam dokumen ini;
 - 6.1.5. memberikan kebenaran untuk pengumpulan dan pemprosesan data peribadi di bawah PDPA 2010; dan
 - 6.1.6. memberikan persetujuan yang sah dari segi undang-undang bagi penggunaan imej, suara dan persembahan Peserta.

7. Representasi & Jaminan

- 7.1. Penjaga menjamin bahawa:
- 7.1.1. semua maklumat adalah benar;
 - 7.1.2. Penjaga mempunyai kuasa sah memberi persetujuan;
 - 7.1.3. Kandungan tidak melanggar hak mana-mana pihak;
 - 7.1.4. Kandungan tidak tertakluk kepada sebarang tuntutan pihak ketiga; dan

- 7.1.5. Penjaga akan menanggung rugi Penganjur terhadap apa-apa pelanggaran.

8. Hak Harta Intelekt & Lesen Kandungan

- 8.1. Hak milik Kandungan asal kekal pada Peserta atau pemilik asal.
- 8.2. Penjaga memberikan kepada Penganjur satu lesen seluruh dunia, bebas royalti, tidak eksklusif, boleh dipindah milik, boleh disublesenkan, berterusan untuk menggunakan, menyiarkan, menyunting, mengubah, menerbitkan, mengedarkan dan mengeksploitasi Kandungan bagi tujuan Program, promosi, pemasaran dan komersial.

9. Persetujuan Media (Media Release)

- 9.1. Penjaga dengan ini memberi kebenaran kepada Penganjur untuk:
- 9.1.1. merakam Peserta dalam bentuk video, audio dan gambar;
- 9.1.2. menggunakan nama, imej, suara dan persembahan Peserta;
- 9.1.3. menyiarkan dan memaparkan Kandungan di semua Platform;
- 9.1.4. mengedit, menyesuaikan atau menyusun semula Kandungan;
- 9.1.5. menggunakan Kandungan untuk tujuan promosi, pemasaran, pengiklanan dan penerbitan; dan
- 9.1.6. Penganjur berhak untuk menggunakan, menyiarkan atau memaparkan mana-mana penyertaan Peserta di dalam artikel *SirapLima* serta di semua platform media sosial, laman web, aplikasi digital dan mana-mana saluran media berkaitan yang dikendalikan oleh atau bagi pihak Penganjur dan/atau kumpulan Media Prima Berhad.

10. Penyuntingan & Teknologi

- 10.1. Penganjur boleh menyunting Kandungan termasuk pemotongan, gabungan, sari kata, alih suara, perubahan format dan penyesuaian teknikal.
- 10.2. Penganjur boleh menggunakan teknologi termasuk kecerdasan buatan (AI) untuk tujuan penerbitan Kandungan, termasuk penambahbaikan audio/visual, sari kata dan penterjemahan.

11. Hak Untuk Menarik Balik/Memadam Kandungan

- 11.1. Penganjur berhak pada bila-bila masa untuk tidak menerbitkan, menanggungkan, menyunting, mengehadkan akses atau memadam Kandungan daripada mana-mana Platform tanpa notis.
- 11.2. Tindakan ini boleh dibuat atas sebab undang-undang, keselamatan kanak-kanak, pematuhan platform, arahan pihak berkuasa atau pertimbangan editorial.
- 11.3. Penjaga bersetuju tidak akan membuat sebarang tuntutan akibat tindakan tersebut.

12. Indemniti

- 12.1. Penjaga bersetuju untuk menanggung rugi Penganjur daripada semua tuntutan, kerugian, kos dan liabiliti yang timbul daripada:

- 12.1.1. pelanggaran terma ini;
- 12.1.2. penggunaan Kandungan;
- 12.1.3. pelanggaran hak pihak ketiga;
- 12.1.4. penyertaan Peserta dalam Program.

13. Pelepasan Liability

- 13.1. Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang, Penjaga dan Peserta melepaskan Penganjur daripada semua tuntutan berkaitan:
 - 13.1.1. privasi
 - 13.1.2. hak publisiti
 - 13.1.3. fitnah
 - 13.1.4. hak cipta
 - 13.1.5. penggunaan imej atau suara
 - 13.1.6. penggunaan Kandungan di mana-mana Platform

14. PDPA (Akta Perlindungan Data Peribadi 2010)

- 14.1. Penjaga bersetuju bahawa data peribadi boleh dikumpul, digunakan, diproses disimpan dikongsi untuk tujuan Program, pemasaran, promosi dan pengurusan.
- 14.2. Data boleh dikongsi dengan kumpulan Media Prima, vendor, agensi dan pihak berkuasa jika diperlukan oleh undang-undang.

15. Akta Keselamatan Dalam Talian 2025 & Pematuhan Platform

- 15.1. Penjaga mengakui bahawa semua Kandungan mestilah mematuhi undang-undang berkaitan keselamatan dalam talian termasuk Akta Keselamatan Dalam Talian 2025 serta polisi platform media sosial.

16. Hak untuk Menarik Balik/ Takedown (Removal Right)

- 16.1. Penganjur berhak pada bila-bila masa untuk memadam Kandungan, menarik balik siaran, menyekat akses, menghentikan penyiaran, menurunkan kandungan daripada mana-mana Platform sekiranya perlu bagi tujuan pematuhan undang-undang, perlindungan kanak-kanak, keselamatan digital, reputasi, arahan pihak berkuasa atau keperluan editorial.
- 16.2. Keputusan Penganjur adalah muktamad.

17. Tidak Ada Jaminan Penyiaran

- 17.1. Penghantaran Kandungan tidak menjamin:
 - 17.1.1. penerbitan
 - 17.1.2. penyiaran
 - 17.1.3. pemilihan
 - 17.1.4. kemenangan
 - 17.1.5. penggunaan Kandungan

18. Tanggungan Kos

18.1. Semua kos penyertaan ditanggung oleh peserta.

19. Hak Penganjur

19.1. Penganjur berhak meminda, menukar, menangguhkan atau membatalkan Program pada bila-bila masa tanpa liabiliti.

20. Undang-Undang Terpakai

20.1. Dokumen ini ditadbir oleh undang-undang Malaysia.

21. Penerimaan Persetujuan

21.1. Dengan menghantar penyertaan, Penjaga mengesahkan bahawa:

21.1.1. mereka memahami dan bersetuju sepenuhnya;

21.1.2. persetujuan diberikan secara sukarela;

21.1.3. mereka mempunyai kuasa undang-undang penuh;

21.1.4. mereka melepaskan hak tuntutan terhadap Penganjur sejauh yang dibenarkan undang-undang.